# JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

## LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

23 SEPTEMBER 2025 (SELASA)

PGA Tumpaskan Cubaan Seludup 100 Ekor Kambing dari Thailand

| MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|
| TVSarawak | News | Online | 20 Sept |



*Pasukan Gerakan Am (PGA) menumpaskan cubaan menyeludup 100 ekor kambing jenis Boer dari Thailand menerusi Op Bersepadu Khazanah di Gerik, semalam. Foto PGA Briged Utara (FB)*

GERIK, 20 Sept: Pasukan Gerakan Am (PGA) menumpaskan cubaan menyeludup 100 ekor kambing jenis Boer dari Thailand menerusi Op Bersepadu Khazanah di Gerik, semalam.

Komander Briged Utara PGA Ulu Kinta SAC Shahrum Hashim berkata dalam operasi bermula 4.30 petang hingga 5 pagi itu, pihaknya turut menahan dua lelaki tempatan berusia 28 dan 41 tahun bagi membantu siasatan.

Beliau berkata operasi itu dijalankan Cawangan Risik Batalion 18 PGA dengan kerjasama Jabatan Veterinar Cawangan Taiping dan Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gerik.

"Pasukan operasi mengesan kegiatan penyeludupan haiwan yang diseludup masuk dari Thailand dan dipasarkan secara tidak sah di pasaran tempatan sejak tiga bulan lepas," katanya dalam kenyataan hari ini.

Shahrum berkata turut

dirampas dalam operasi semalam sebuah lori dengan anggaran keseluruhan rampasan bernilai RM260,000 dan kes disiasat mengikut Seksyen 36(1) Akta Binatang 1953 (Akta 647).

Beliau berkata PGA Briged Utara akan terus mempergiat rondaan dan pengawasan di kawasan sempadan bagi membanteras jenayah penyeludupan, selain menyeru masyarakat supaya menyalurkan maklumat berkaitan kepada pihak berkuasa. -TVS

JAS Guna Dron Kesan Punca Pencemaran disyaki Berlaku di Sungai Bekok

| MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|
| Astro Awani | Berita Malaysia | Online | 22 Sept |



*Jabatan Alam Sekitar (JAS) Batu Pahat melakukan tinjauan udara menggunakan dron bagi mengenal pasti punca pencemaran yang disyaki berlaku di Sungai Bekok. - Foto Facebook Ling Tian Soon*

BATU PAHAT: Jabatan Alam Sekitar (JAS) Batu Pahat melakukan tinjauan udara menggunakan dron bagi mengenal pasti punca pencemaran yang disyaki berlaku di Sungai Bekok di sini.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Johor Ling Tian Soon berkata tinjauan itu turut melibatkan pertemuan pegawai JAS dengan pengadu di lokasi berkenaan.

Beliau berkata sampel air juga diambil untuk dianalisis selain pemeriksaan di beberapa lokasi berhampiran yang berkemungkinan menjadi sumber pencemaran.

"JAS juga telah meminta Majlis Daerah Yong Peng serta Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk menjalankan siasatan bersama," katanya menerusi hantaran di Facebook hari ini.

Ling berkata kerajaan negeri tidak memandang ringan insiden pencemaran alam

sekitar dan tindakan tegas akan diambil terhadap pihak yang didapati bertanggungjawab.- ASTROAWANI

| Restoran di Melaka Guna Alpaca Tarik Pelanggan Kena Denda RM10,250 & ditutup Seminggu | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| Says.com | Berita | Online | 22 Sept |



*Cover image via Sinar Harian & Kosmo!*

Tindakan seorang pemilik restoran di Kampung Jawa, Melaka menarik pelanggan dengan menggunakan haiwan eksotik Alpaca sebagai tarikan akhirnya membawa padah apabila pihak berkuasa mengenakan kompaun berjumlah RM10,250 serta mengarahkan premis itu ditutup selama tujuh hari

Menurut laporan Kosmo!, restoran mi segera tersebut sebelum ini tular di media sosial selepas ramai pelanggan dan netizen meluahkan kebimbangan mengenai keadaan seekor Alpaca yang kelihatan tertekan dan murung ketika dipamerkan di premis berkenaan.

Hasil pemeriksaan, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) mendapati bukan hanya seekor Alpaca, tetapi 22 ekor haiwan lain turut ditempatkan di restoran itu termasuk kambing, itik, angsa, dua ekor arnab serta beberapa ekor kucing.

**Pemilik Restoran Dikenakan Denda RM10,000**

Datuk Bandar MBMB, Datuk Shadan Othman, memaklumkan bahawa pemilik restoran dikenakan denda RM10,000 di bawah Enakmen Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 2001 serta RM250 kerana melanggar Undang-undang Kecil Petempatan Makanan (MBMB) 2020.




"Kita keluarkan notis penutupan selama tujuh hari untuk kerja pembersihan dan mengeluarkan semua haiwan yang ditempatkan dalam restoran ini.

"Dalam lesen MBMB jelas dinyatakan haiwan peliharaan tidak boleh diletakkan di dalam restoran. Walaupun alpaka dipamerkan secara berasingan, ia tetap dilarang," katanya.

Menurut Shadan, restoran tersebut memperoleh lesen perniagaan makanan pada April lalu, namun hanya dua bulan kemudian ia mula beroperasi dengan konsep seolah-olah sebuah zoo mini, yang jelas bertentangan dengan syarat yang ditetapkan.

Turut hadir dalam operasi itu ialah Pengerusi Jawatankuasa Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi Digital negeri, Datuk Mohd. Noor Helmy Abdul Halem, yang memaklumkan bahawa pihaknya akan mengadakan perbincangan dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri bagi menangani isu kebajikan haiwan dan keselamatan awam.-SAYS.COM

| Bahana Guna Alpaka Tarik Pelanggan, Pemilik Restoran didenda RM10,250 | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| The Vocket | Kehidupan | Online | 22 Sept |



Dalam dunia perniagaan yang kompetitif, pelbagai cara unik digunakan untuk menarik perhatian pelanggan. Namun, tindakan pemilik sebuah restoran mi segera di Kampung Jawa, Melaka, telah melampaui batas kebiasaan apabila dia memilih untuk menggunakan alpaka, sejenis haiwan eksotik, sebagai daya tarikan utama.

Keputusan yang luar biasa ini akhirnya membawa padah apabila dia dikompaun sebanyak RM10,250 oleh Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB).

Menurut Datuk Bandar MBMB, Datuk Shadan Othman, restoran itu diarahkan ditutup selama tujuh hari.

Pemeriksaan mendapati pemiliknya tidak hanya menempatkan alpaka yang didakwa tertekan dan murung, tetapi juga 22 haiwan lain seperti kambing, itik, angsa, arnab dan kucing di premis tersebut sejak Jun lalu dipetik dari Kosmo.

Restoran itu dikenakan kompaun RM10,250 kerana melanggar beberapa undang-undang, termasuk

Enakmen Hiburan dan Undang-undang Kecil Petempatan Makanan.

Selain itu, notis penutupan selama tujuh hari dikeluarkan bagi membolehkan pemilik membersihkan premis dan memindahkan semua haiwan yang ditempatkan di dalam restoran tersebut.

Menurut Datuk Mohd. Noor Helmy Abdul Halem, Pengerusi Jawatankuasa Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi Digital negeri, satu pertemuan akan diadakan dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri dalam masa terdekat untuk membincangkan isu ini.-THEVOCKET



*Sumber Gambar: Kosmo*

“Dalam lesen MBMB jelas dinyatakan haiwan peliharaan tidak boleh diletakkan di dalam restoran. Walaupun alpaka dipamerkan secara berasingan, ia tetap dilarang,” katanya ketika mengetuai operasi pemeriksaan, hari ini.

Walaupun restoran itu hanya mendapat lesen perniagaan makanan pada April lalu, ia mula beroperasi seperti zoo mini dua bulan kemudian.

| Guna Alpaka Tarik Pelanggan, Pemilik Restoran Mi didenda RM10,250 | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| Kosmo! | Negara | Online | 22 Sept |



*Shadan melakukan pemeriksaan ke atas restoran mi segera di Kampung Jawa yang menempatkan seekor alpaca serta 22 haiwan peliharaan lain, awal pagi tadi.*

MELAKA – Tindakan pemilik sebuah restoran mi segera di Kampung Jawa menggunakan haiwan eksotik alpaka sebagai tarikan pelanggan membawa padah apabila dia dikompaun RM10,250 Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB).

Premis tersebut yang sebelum ini turut tular di media sosial selepas alpaka berkenaan didakwa kelihatan tertekan dan murung turut diarahkan ditutup selama tujuh hari.

Datuk Bandar MBMB, Datuk Shadan Othman berkata, pemeriksaan mendapati restoran itu bukan sahaja menempatkan seekor alpaka, malah turut membawa masuk 22 haiwan lain termasuk kambing, seekor itik, angsa, dua arnab dan kucing sejak Jun lalu.

Katanya, pemilik premis dikenakan kompaun RM10,000 di bawah Enakmen Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 2001 serta RM250 kerana melanggar Undang-undang Kecil Petempatan

Makanan (MBMB) 2020.

“Kita keluarkan notis penutupan selama tujuh hari untuk kerja pembersihan dan mengeluarkan semua haiwan yang ditempatkan dalam restoran ini.

“Dalam lesen MBMB jelas dinyatakan haiwan peliharaan tidak boleh diletakkan di dalam restoran. Walaupun alpaka dipamerkan secara berasingan, ia tetap dilarang,” katanya ketika mengetuai operasi pemeriksaan, hari ini.

Beliau berkata, restoran berkenaan memperoleh lesen perniagaan makanan pada April lalu, namun hanya dua bulan selepas itu mula beroperasi seolah-olah sebuah zoo mini.

Dalam pada itu, Pengerusi Jawatankuasa Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi Digital negeri, Datuk Mohd. Noor Helmy Abdul Halem yang turut hadir pada operasi berkenaan berkata, satu pertemuan akan dibuat bersama Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri dalam masa terdekat. – KOSMO! ONLINE

## Viral Alpaca Pet Café in Melaka Shut Down After Welfare Concerns Spark Outrage

| MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
| --- | --- | --- | --- |
| MYC.my | Social | Online | 22 Sept |



A café in Melaka has come under heavy criticism after a viral video revealed an alpaca standing alone at the entrance of the premises. Marketed as a quirky "pet café," the establishment quickly drew online attention for its unusual attraction. However, instead of delight, the sight of the lonely alpaca sparked widespread outrage.

Further videos shared online showed that the café also housed goats, rabbits, geese, ducks, and cats within its two-storey premises. Many of these animals appeared to be living in cramped and unhygienic conditions, forced to walk on their own excrement with a strong stench of urine and faeces permeating the air. Visitors described the environment as unbearable, questioning how anyone could dine inside.

Animal rights group Stray Free Foundation highlighted the issue on social media, with posts that rapidly went viral. They documented animals kept in small enclosures, some stained with excrement on the walls and floors. Particularly worrying was footage of the alpaca chewing on an artificial green mat,

seemingly mistaking it for grass.

## Authorities Step In

The growing backlash prompted swift intervention by the Melaka City Council (MBMB). A midnight raid was conducted by enforcement officers led by mayor Datuk Shadan Othman. Following the inspection, the café was slapped with a seven-day closure order to allow for thorough cleaning and the removal of all animals from the premises.

In addition, the Singaporean café owner—who is reportedly a permanent resident in Malaysia—was fined a total of RM10,250. This comprised RM10,000 under the Entertainment and Places of Entertainment Enactment 2001 and RM250 for violating the Food Establishment By-law (MBMB) 2020.

Shadan stressed that keeping an alpaca or any animals inside a food business was a clear breach of food safety and hygiene regulations. He revealed that the café's first floor had been converted into a makeshift "mini zoo" without any official approval, serving as a free attraction for customers.



"This concept may appear interesting to the public, but it goes against the law and compromises animal welfare," Shadan said.

## No Clear Guidelines on Exotic Animals

The case also highlighted a legal grey area regarding the

licensing of exotic animals in commercial premises. Deputy Exco for Science, Technology, Innovation, and Digital Communication, Datuk Mohd Noor Helmy, who accompanied Shadan during the raid, pointed out that housing animals in eateries is prohibited—even if they are separated by walls and doors.

**Owner Defends Himself**

The café owner, identified only as Ong, has since defended himself against accusations of animal abuse. He admitted it was a mistake to display the alpaca in a dining environment but denied any deliberate mistreatment.



However, he admitted there was still no definitive guidance from either the Department of Veterinary Services or the Department of Wildlife and National Parks Peninsular Malaysia (Perhilitan) on whether alpacas could be legally kept in such venues.

“This uncertainty needs to be addressed quickly,” he said, adding that the welfare of the animals and the safety of customers must remain the priority.

“I understand that some people are upset and believe I mistreated the alpaca. But I truly love these animals. I even bought two alpacas for RM20,000 each—why would I want to harm them?” Ong said.

He accepted the seven-day closure order and pledged to relocate the animals to more suitable conditions while cleaning up the café. “I will not give up on this business concept, but I will make the necessary changes,” he

added.

## Public Backlash and Online Reactions

Netizens reacted strongly to the situation, with many expressing sympathy for the alpaca. Comments under viral TikTok videos described the animal as “lonely,” “bored,” and “out of place,” with users urging that it be returned to its natural habitat.

“I thought the alpaca was just for the café’s opening day, but months have passed, and it’s still there. How was this even allowed?” one user wrote. Another remarked, “I pass by this café every night. The alpaca just stands there staring—it looks so lonely. It needs to be back with its kind.”




Others questioned how customers could eat in a restaurant that smelled strongly of animal waste, with one commenting, “How do you all manage to dine there? The stench must be unbearable.”

## A Wider Debate on Animal Cafés

The incident has reignited debate on the ethics of animal cafés in Malaysia. While such establishments often market themselves as offering “unique experiences,” critics argue that they can easily cross into exploitation if the welfare of the animals is not prioritised.

Animal rights advocates have urged for clearer laws and stricter enforcement to prevent similar cases in the future. They warn that such cafés not only risk harming

## A Wider Debate on Animal Cafés

The incident has reignited debate on the ethics of animal cafés in Malaysia. While such establishments often market themselves as offering "unique experiences," critics argue that they can easily cross into exploitation if the welfare of the animals is not prioritised.

Animal rights advocates have urged for clearer laws and stricter enforcement to prevent similar cases in the future. They warn that such cafés not only risk harming animals but also pose potential health hazards to customers.

For now, the alpaca café in Melaka remains shut as authorities monitor whether the owner follows through with promises to relocate the animals and clean up the premises. Whether this case sets a precedent for regulating animal cafés in Malaysia remains to be seen.- MYC.MY

| Alpaca Seen Living in Filthy Conditions at Melaka Pet Cafe, SG Owner Claims He's an 'Animal Lover' | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| Weird Kaya | Society | Online | 22 Sept |




*Cover image via ThreadsFB/Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah*

While pet cafes are places that allow customers to get up and close with animals, it can quickly turn into a health hazard for both humans and animals if not done properly.

A pet cafe in Melaka which achieved online fame for housing an alpaca within its premises was recently raided by the authorities following multiple allegations of animals being kept in unlivable conditions.

**Online Claims Of Animal Abuse**

The matter was first brought to light in a Threads post by an animal rights group, which brought forth several troubling allegations against the pet cafe.

According to the post, several animals, which included goats, geese, cats, rabbits, and the alpaca, were made to live in tiny, dirty enclosures while smeared in their own excrement.

Aside from that, visitors also complained of the stench of urine and faeces being "marinated" right through

the cafe’s walls due to poor hygiene.

(MBMB) ordered the pet cafe to close for seven days.




There were also allegations that the alpaca munched away on a green mat after it mistook it for real grass.

**Authorities Step In**

Thankfully, it didn’t take long for the authorities to act on these claims, who decided to pay the pet cafe a “surprise visit”.

According to Melaka mayor Datuk Shadan Othman, he said the Melaka City Council

The cafe owner, a Singaporean man, was also issued a RM10,250 compound for violating the Entertainment and Places of Entertainment Enactment 2001 and RM250 for violating the Food Establishment By-law (MBMB) 2020, reported Sinar Harian.

Deputy Exco for Science, Technology, Innovation, and Digital Communication, Datuk Mohd Noor Helmy, who was also present at the raid, said housing animals

within a food business premises are forbidden, even if they're kept apart by separate walls and doors.

He added that so far, there hasn't been a clear directives given by the Department of Veterinary Services and the Department of Wildlife and National Parks Peninsular Malaysia (Perhilitan) regarding the permit and suitability of the location for the alpaca.

"I understand some people are angry and have claimed I'm mistreating the alpaca. But I really love the animal as I bought two alpacas for RM20,000 each. How could I possibly harm them?"

**'I Love Animals'**

The pet cafe owner, known as Ong, admitted his fault in displaying the alpaca within an eatery but denied accusations of animal abuse.

"However, I'll not give up on the business. I also accept the seven-day closure order and will immediately relocate all the animals to a proper place, in addition to cleaning up the cafe," he said.- WEIRDKAYA

| [Watch] Viral Melaka Pet Cafe Featuring Alpaca Slapped with Summons and 7-Day Closure Notice | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| The Rakyat Post | Malaysia | Online | 22 Sept |



*Gambar Chimon Upon*

Animal or pet cafes can be a unique experience if done right. However, a pet cafe featuring an alpaca in Melaka has been slammed by many after a video of the lonely alpaca went viral.

Based on several other videos online, the cafe has other animals such as goats, geese, cats, and rabbits, seemingly kept in filthy living conditions inside the two-storey premises.

The animals had to walk on their own excrement and breathe the foul air. According to reports compiled by the Stray Free Foundation, visitors who had been to the cafe reported the bad urine smell and excrement staining the walls. It's a wonder how anyone could dine inside at all.

The visitors added that the animals were kept in enclosures that were too small. What was worrying was seeing the alpaca chew on the green mat probably because it thought it was real grass.

Another visitor claimed to see a mother cat trying to nurse her kittens but there were other people trying to play with them.

The horrifying scenes made many people worry about the welfare and well-being of the animals in the shop.

**The Authorities Are Taking Action**

Once the issue caught the attention of the Melaka City Council (MBMB), the pet cafe was ordered to close for seven days for cleaning up works.

Mayor of Melaka Datuk Shadan Othman said a compound of up to RM10,250 has also been issued to the Singaporean owner, which is RM10,000 under the Entertainment and Places of Entertainment Enactment 2001 and RM250 for violating the Food Establishment By-law (MBMB) 2020.

Shadan added that keeping an alpaca in the store violated the food safety and hygiene guidelines.

He further shared that the cafe's first floor was turned into a mini zoo without permission from the authorities. The mini zoo serves as a free attraction for cafe customers.

Shadan said the concept is interesting but it went against the rules and affects animal rights.

Deputy Exco for Science, Technology, Innovation, and Digital Communication, Datuk Mohd Noor Helmy, who visited the cafe with Shadan, said placing animals within a food business premises, even if they're separated by walls and doors, aren't allowed.

However, he shared that there are no clear answers between the Department of Veterinary Services and the Department of Wildlife and National Parks Peninsular Malaysia (Perhilitan) regarding the permit and suitability of the location for the alpaca.-THERAKYATPOST

# TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR